

**Kerajaan
hanya taja
pelajar
sendirian
ke empat
negara saja
— Mahathir**

11 M - 9 APR 1975
KUALA LUMPUR, 7

April — Kementerian Pelajaran pada masa ini hanya menaja pelajar-pelajar per-sendirian ke empat buah negara sahaja iaitu United Kingdom, Indonesia, Pakistan dan Bangladesh.

Pelajar-pelajar yang ber-cadang hendak belajar de-ngan perbelanjaan sendiri di negara-negara itu hend-daklah mendapat tajaan atau sokongan dari Kement-erian Pelajaran, demikian menurut Dr. Mahathir Mo-hamed dalam satu jawapan bertulis kepada soalan Encik Jaafar Hamzah [BN-Johor Bharu] di Dewan Rakyat hari ini.

Katanya, tajaan ini perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum sijil kebenaran masuk atau visa dikeluarkan oleh kedutaan atau su-

ruhanjaya tinggi asing di mana penuntut itu me-mohon.

Kelulusan tajaan ini dikelola oleh seksi biasiswa dan taja di kementerian saya.

Borang

Dr. Mahathir menjelas-kan, seseorang pelajar itu boleh mendapat tempat be-lajar sama ada dengan melu-lus sendiri atau melalui Kementerian Pelajaran.

Untuk tajaan ini sese-orang pelajar hendaklah mengisi satu set borang tempat (bagi mereka yang belum lagi mendapat tem-pat belajar) atau borang an-jur (bagi mereka yang telah pun mendapat tempat bela-jar).

Katanya, borang-borang itu kemudiannya akan dihantar kepada pengarah, Jabatan Penuntut-Penuntut Malaysia di negara-negara yang berkaitan untuk me-nguruskan tempat di insti-tusi-institusi pelajar di sana.

Dari sini Kementerian Pelajaran akan membuat sokongan kepada mereka berdasarkan:

* Ianya seorang wargane-gara Malaysia.

* Mampu membiayai perbelanjaan pelajarannya dengan membekalkan satu surat akuan bank.

* Cukup sihat dan tidak mengidap sesuatu penyakit yang berjangkit atau mer-bahaya.

* Telah mendapat tempat belajar di institut di sebe-rang laut.

Tambah Dr. Mahathir biasanya kerja memperoses permohonan oleh Kement-erian Pelajaran memakan masa selama empat minggu atau lebih.